

Sultan Selangor Bangga Perpustakaan Tun Uda Shah Alam Antara Pertama Guna Sistem E-Pendidikan
Bernama
14 Ogos, 2012

SHAH ALAM, 14 Ogos (Bernama) -- Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Selasa melahirkan rasa bangga apabila Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam di Seksyen 13 di sini menjadi antara yang pertama menggunakan sistem e-Pendidikan.

Baginda berharap sistem belajar dan membuat rujukan secara atas talian itu akan terus memberi manfaat kepada pengunjung perpustakaan yang telah mencapai 510,469 orang sehingga Julai lepas.

"Seperti yang kita semua maklum, perpustakaan yang tersergam indah ini dibina sebagai mercu tanda sempena memperingati negeri Selangor yang dikasihi ini sebagai negeri maju," titah baginda sempena Majlis Penyerahan Buku kepada Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam di sini pada Selasa.

Baginda bertitah perpustakaan itu juga menjadi gedung maklumat yang boleh memberikan banyak ilmu pengetahuan kepada rakyat Selangor amnya dan rakyat di kawasan Shah Alam khususnya.

Sultan Sharafuddin turut melahirkan rasa gembira apabila melihat banyak perubahan positif pada perpustakaan itu daripada segi teknologi maklumat (IT), penambahan buku serta program yang dijalankan untuk manfaat semua masyarakat..

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=688076>